

28 AUG 2001

Perayaan

ULANGTAHUN YANG DIPERTUA DISAMAKAN DENGAN SAMBUTAN MERDEKA

KUCHING, 28 Ogos (Bernama) -- Sambutan ulangtahun rasmi Yang di-Pertua Negeri Sarawak ditukar dari 8 Sept kepada 15 Sept tahun ini untuk disesuaikan dengan penutup sambutan Hari Kebangsaan keesokannya.

Pengarah Pentadbiran Am Jabatan Ketua Menteri Abdullah Jamil hari ini berkata langkah itu ialah untuk membolehkan kerajaan negeri menyatukan kedua-dua perayaan memandangkan Sibu akan menjadi tuan rumah untuk kedua-dua sambutan.

"Kerajaan negeri akan mengadakan perayaan untuk kedua-duanya dengan kerjasama kerajaan persekutuan yang berkesudahan dengan majlis penutupan rasmi perayaan Hari Merdeka ke-44," katanya kepada Bernama di sini.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dijangka merasmikan majlis penutupan itu pada 16 Sept sementara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan turut hadir.

Bagaimanapun perubahan sambutan ulangtahun rasmi Tun Abang Salahuddin hanya dimasukkan pada kalendar negeri 2001 dan terpakai untuk tahun ini sahaja.

Sebarang pindaan kepada tarikh itu akan diputuskan kabinet negeri, katanya.

Semalam jabatan itu mengeluarkan satu kenyataan bahawa ulangtahun rasmi Yang Dipertua Negeri jatuh pada 15 Sept yang telah diisytiharkan sebagai cuti umum dan menjelaskan bahawa tarikh hari jadi rasmi beliau bukan pada 8 Sept dan tarikh itu bukan merupakan cuti umum.

Sementara itu seorang kakitangan awam di Sibu, Joshua Subeng berkata perayaan berganda itu pasti akan menaikkan imej bandar Sibu.

"Menjelang kedua-dua perayaan ini, sistem jalan di sini sudah diperbaiki dan bandar ini sudah bertukar menjadi bandar taman dengan pokok-pokok dan tumbuhan menyerikan pelbagai sudut, menyenangkan mata memandang," katanya.

Bagaimanapun beliau berharap usaha majlis tempatan mencantikkan bandar ini akan berkekalan dan bukan hanya untuk perayaan ini sahaja.

-- BERNAMA

CJ RON